

Nama: _____

Tingkatan: _____

SULIT
944/1
Ekonomi
Kertas 1
2 jam
STPM

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN VICTORIA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM

EKONOMI

Kertas 1
2 jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas ini mengandungi 50 soalan objektif
2. Jawab semua soalan. Pilih jawapan yang paling tepat

1. Sesebuah ekonomi mencapai kecekapan pengeluaran yang maksimum apabila ia
 - A. dapat meningkatkan pengeluaran semua barang
 - B. dapat mengurangkan pengeluaran semua barang
 - C. tidak dapat mengurangkan pengeluaran semua barang
 - D. dapat meningkatkan pengeluaran suatu barang tanpa mengurangkan pengeluaran barang lain
 - E. tidak dapat meningkatkan pengeluaran suatu barang tanpa mengurangkan pengeluaran barang lain

2. Antara yang berikut yang manakah akan menghalang perpindahan keluk kemungkinan pengeluaran ke kanan
 - A. kenaikan dalam kadar pengangguran
 - B. perubahan dalam citarasa
 - C. penyekatan masuk pelabur dan buruh asing
 - D. penggalakan rakyat meningkatkan kemahiran
 - E. peningkatan teknologi dalam semua sektor ekonomi

3. Unit pemiagaan yang paling banyak terdapat di Malaysia ialah
 - A. koperasi
 - B. syarikat awam
 - C. milik perkongsian
 - D. milik perseorangan
 - E. perkongsian berhad

4. Andaikan bahawa persamaan penawaran dan permintaan bagi suatu barang adalah seperti yang berikut.

$$Q_s = 20 + 10P$$

$$Q_d = 60 - 10P$$
 dengan Q_s = kuantiti penawaran, Q_d = kuantiti permintaan dan P sebagai harga (RM) Apabila pendapatan pengguna naik, fungsi permintaan berubah menjadi $Q_d = 60 - 10P$. Berapakah perbezaan harga yang dialami ?
 - A. naik RM 1
 - B. turun RM 1
 - C. naik RM2
 - D. naik RM3
 - E. turun RM3

5. Permintaan terhadap beras adalah anjal sifar. Jika kos pengeluaran beras turun, maka
 - A. jumlah pendapatan pengeluar beras merosot
 - B. untung pengeluar beras meningkat
 - C. jumlah pendapatan pengeluar beras akan meningkat
 - D. harga beras akan meningkat
 - E. kuantiti keseimbangan beras akan meningkat

6. Keluk permintaan bagi suatu barang bercerun positif apabila
- Harga, barang utama dijangka naik
 - Harga, barang tersebut dijangka turun
 - Barang tersebut adalah barang prestij
 - Negara mengalami ekonomi yang melambung
 - Perbelanjaan terhadap barang modal naik
7. Andaikan bahawa pengurangan harga barang Y daripada RM20 ke RM18 menyebabkan kuantiti barang X yang diminta meningkat sebanyak 30%. Berapakah nilai keanjalan silang, dan apakah hubungan antara barang X dan barang Y ?


Keanjalan

- 3.00
- 3-00
- 3.00
- 3.00
- 0.33

Hubungan

- penggenap
- pengganti
- penggenap
- pengganti
- penggenap

8. Gambarajah di sebelah menunjukkan keluk penawaran bagi sebuah firma. Antara yang berikut, keluk yang manakah mempunyai keanjalan 1?



- S₁
- S₂
- S₃
- S₄
- S₅


9. Sekiranya barang X dan barang Y ialah barang percuma, utiliti maksimum akan tercapai apabila
- $(\text{utiliti sut X/harga X}) = (\text{utiliti sut Y/harga Y})$
 - utiliti sut X = utiliti sut Y = 0
 - jumlah utiliti X/harga X) = jumlah utiliti Y/harga Y)
 - jumlah utiliti X = jumlah utiliti Y = 0
 - utiliti sut X = utiliti sut Y = harga barang X

10. Seorang pengguna memaksimumkan utilitinya dengan membeli 2 unit barang X dan 5 unit barang Y. Utiliti sut seringgit dari unit kedua barang X ialah 3 manakala utiliti sut dari unit kelima barang Y ialah 24 unit utiliti. Pengguna dapat mempertahankan keseimbangannya dengan membeli barang Y pada harga
- RM2.50
 - RM6.00
 - RM8.00
 - RM12.00
 - RM15.00

11. Andaikan bahawa harga barang Y ialah RM4.00 per unit, harga barang X ialah RM8.00 per unit, dan pendapatan seorang pengguna ialah RM32.00. Antara yang berikut, yang manakah yang menunjukkan fungsi garis belanjawan?
- $Y = 32 - 4X$
 - $Y = 32 - 2X$
 - $Y = 8 - 4X$
 - $Y = 8 - 2X$
 - $Y = 4 - 8X$
12. Antara yang berikut, yang manakah yang tidak menerangkan hukum pulangan sut berkurangan?
- teknologi adalah tetap
 - hanya satu input berubah
 - tidak ada input tetap
 - berlaku dalam jangka pendek
 - benar hanya dalam sektor pertanian dan perkilangan
13. Apabila harga barang X meningkat daripada RM4.00 per unit kepada RM5.00 per unit, kuantiti diminta berkurang daripada 20 unit kepada 19 unit. Ini bermakna permintaan terhadap barang X adalah
- anjali
 - anjali sempuma
 - tidak anjali
 - tidak anjali sempuma
 - infiniti


14. Titik keseimbangan asal adalah pada titik A. Andaikan bahawa harga barang X dan pendapatan adalah tetap. Penurunan dalam harga barang Y akan mengakibatkan pendapatan benar

barang y



- tetap dan keseimbangan di capai pada titik B
 - menurun dan keseimbangan dicapai pada titik C
 - meningkat dan keseimbangan dicapai pada titik B
 - meningkat dan keseimbangan dicapai pada titik C
 - menurun dan keseimbangan dicapai pada titik B
15. Di sepanjang keluk permintaan yang mencerun ke bawah dari kiri ke kanan, didapati
- Keanjalian permintaan dan cerunnya tetap
 - Keanjalian permintaan dan cerunnya berubah
 - Keanjalian permintaan berubah tetapi cerunnya tetap
 - Keanjalian permintaan tetap tetapi cerunnya berubah
 - Keanjalian permintaan dan cerunnya sukar ditentukan

16. Gambarajah di sebelah menunjukkan peralihan keluk belanjawan dari AB ke CD. Apakah faktor yang menyebabkan peralihan tersebut?




- A. harga barang X dan Y naik
 B. pendapatan naik dan harga X turun
 C. pendapatan naik dan harga barang Y naik
 D. harga barang X turun pada kadar yang lebih kecil daripada kemerosotan harga Y
 E. pendapatan pengguna naik dan harga X merosot pada kadar yang lebih kecil daripada kemerosotan harga barang Y.
17. Jadual berikut menggambarkan hubungan fizikal antara input dengan output.

Input	Input Y	Input Z	Output
1	8	5	20
2	8	5	38
3	8	5	45
4	8	5	51
5	8	5	53

Pengeluar ini tertakluk kepada

- A. pulangan menurun
 B pulangan bertambah
 C. pulangan menurun ikut bidangan
 D. pulangan malar ikut bidangan
 E. pulangan naik ikut bidangan
18. Dalam sebuah firma, kos tetap ialah RM600, kos purata ialah RM4, dan kos berubah purata ialah RM2. Jumlah keluaran firma tersebut ialah
- A. 100 unit
 B. 150 unit
 C. 200 unit
 D. 300 unit
 E. 600 unit

19. Berdasarkan rajah di sebelah yang menunjukkan kos total, TC, pernyataan yang manakah benar



- A. kos purata adalah malar
 B. kos purata menyamai kos sut
 C. kos berubah purata adalah malar
 D. kos tetap purata naik
 E. kos berubah adalah positif pada sebarang output
20. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah benar tentang kos pada mana-mana, tingkat output ?
- A. kos sut akan melebihi kos tetap purata sebesar jumlah kos berubah purata

- B. kos sut akan melebihi kos berubah purata sebesar jumlah kos purata
- C. kos berubah purata akan melebihi jumlah kos purata dalam jangka pendek
- D. jumlah kos purata akan melebihi kos berubah purata sebesar kos tetap purata
- E. kos berubah purata akan melebihi kos tetap purata sebesar jumlah kos purata


21. Yang berikut ialah pelbagai pilihan penggunaan buruh dalam sesuatu kegiatan pertanian

<i>Kuantiti Buruh (unit)</i>	<i>Keadaan keluaran</i>
Q	keluaran sut maksimum dan lebih besar daripada keluaran purata
R	keluaran purata maksimum dan sama dengan keluaran sut
S	keluaran purata lebih tinggi daripada keluaran sut, keluaran sut sama dengan sifar
T	keluaran purata lebih tinggi daripada keluaran sut yang negatif

Pengeluar yang waras akan menggunakan kuantiti buruh

- A. antara, R dan S
 - B. antara Q dan R
 - C. antara S dan T
 - D. kurang daripada Q
 - E. lebih besar daripada S
22. Yang manakah di antara pernyataan yang berikut *tidak* menunjukkan perhubungan di antara keluk kos purata jangka pendek dan keluk kos purata jangka panjang ?
- A. Keluk kos purata jangka panjang adalah satu keluk kandung yang melengkungi satu siri keluk kos purata jangka pendek
 - B. Terdapat satu keluk kos purata, jangka pendek sahaja dengan titik minimumnya sama dengan titik minimum keluk kos purata jangka panjang
 - C. Apabila keluk kos purata jangka panjang menaik, kos purata jangka pendek sama dengan kos purata jangka panjang dengan kos purata jangka pendek yang menaik
 - D. Apabila keluk kos purata jangka panjang menurun, kos purata jangka pendek sama dengan kos purata jangka panjang dengan kos purata jangka pendek yang menurun
 - E. Kedua-dua keluk kos purata jangka pendek dan jangka panjang berbentuk 'U'
23. Yang manakah di antara berikut *bukan* ekonomi luaran yang boleh diperolehi oleh firma?
- A. Perubahan teknologi dalam industri
 - B. Pembangunan tenaga buruh yang mahir di satu kawasan perindustrian
 - C. Kemajuan infrastruktur dalam industri
 - D. Mudah dapat maklumat perniagaan akibat dibantu sebaran am
 - E. Pelbagaian ekonomi membolehkan firma mendapatkan bekalan input-input pengeluaran dari sumber yang lebih luas untuk mengurangkan risiko mengalami kerugian

24. Graf di sebelah menunjukkan bahawa sebuah firma yang berada dalam keseimbangan. Untung seunit adalah



- A. \$40
 B. \$60
 C. \$20
 D. \$2
 E. \$3
25. Antara yang berikut, yang manakah bukan ciri firma monopoli?
 A. Tiada barang pengganti bagi keluarannya
 B. Mengalami untung normal dalam jangka panjang
 C. Keluk permintaannya bercerun ke bawah dari kiri ke kanan
 D. Terdapat sekatan kemasukan firma baru ke dalam industri tersebut
 E. Ia merupakan pengeluar atau penjual tunggal dalam pasaran tersebut.
26. Upah wang pada tahun pertama dan pada tahun kedua ialah RM7.00 dan RM 10.50 masing-masing. Jika tahun pertama dianggap sebagai tahun asas dan indeks harga pada tahun kedua ialah 105, berapakah upah benar pada tahun kedua?
 A. RM3.50
 B. RM6.67
 C. RM7.00
 D. RM10.00
 E. RM10.50
27. Antara yang berikut, yang manakah yang benar apabila melaksanakan dasar harga maksimum?
 A. Kuantiti ditawarkan lebih besar daripada kuantiti diminta
 B. Harga keseimbangan lebih rendah daripada harga maksimum
 C. Pertambahan permintaan akan dipenuhi melalui penjualan stok kerajaan
 D. Pengeluar mendapat keuntungan daripada pengenaan harga maksimum
 E. Kerajaan akan terpaksa menambahkan permintaan untuk memenuhi penawaran lebihan
28. Antara yang berikut, yang manakah **tidak** termasuk dalam keluaran negara kasar?
 A. pendapatan dari faktor di luar negeri
 B. perbelanjaan firma terhadap alat-alat jentera
 C. perbelanjaan kerajaan terhadap gaji kakitangannya
 D. perbelanjaan pengguna terhadap barang penggunaan
 E. perbelanjaan pengguna terhadap saham di pasaran saham
29. Keluaran Negara Kasar (ENK) pada tahun 1990 dan 1995 masing-masing ialah \$120 juta dan \$175 juta. Indeks harga pengguna pula adalah 120 pada tahun 1990 dan 125 pada tahun 1995. Peratus kenaikan dalam ENK benar adalah
 A. 35%
 B. 37%
 C. 40%
 D. 42%
 E. 45%

30. Dalam sebuah ekonomi terdapatnya 3 industri, industri P menggunakan faktor pengeluaran tempatan dan menjual output kepada industri Q dengan harga \$ 100 juta. Industri Q menggunakan barang import bernilai \$15 juta, dan menjual keluarannya kepada industri Z dengan harga \$200 juta. Industri Z juga menggunakan barang import bernilai \$25 juta dan mengeluarkan barang akhir dengan harga \$400 juta. Keluaran negara kasar negara itu ialah
- \$350juta
 - \$360juta
 - \$400 juta
 - \$670 juta
 - \$700 juta


31. Jadual di bawah menunjukkan data pendapatan negara bagi sebuah ekonomi.

<i>Butiran</i>	<i>RM juta</i>
Perbelanjaan penggunaan	2860
Perbelanjaan kerajaan	810
Pelaburan termasuk inventori	820
Bayaran pindahan	175
Eksport	1 160
Import	1 020
Penerimaan pendapatan dari luar negara	30
Pembayaran pendapatan ke luar negara	110
Cukai tak langsung	780
Subsidi	80
Susutnilai	320

Berdasarkan data di atas, berapakah perbezaan nilai antara keluaran dalam negeri kasar pada harga pasaran dengan keluaran negara kasar pada harga faktor?

- RM460juta
 - RM700 juta
 - RM780juta
 - RM860juta
 - RM940 juta
32. Yang manakah di antara berikut merupakan pernyataan yang *tidak benar* ?
- Keluk Phillips menunjukkan perhubungan songsang di antara kadar pengangguran dengan kadar inflasi
 - Keynes berpendapat melalui perubahan kadar bunga, pelaburan mesti sama dengan tabungan
 - Hukum Say menunjukkan pengangguran berterusan tidak wujud
 - Prinsip pencepat mengandaikan terhadap satu pertalian sasaran antara tingkat output dengan stok modal
 - Teori Keynes mengatakan ekonomi mungkin seimbang di bawah gunatenaga penuh

33. Bilangan penduduk yang berumur antara 15 tahun hingga 64 tahun di sebuah negara pada tahun 1990 ialah 8.45 juta orang. Jumlah tenaga buruh pada tahun itu ialah 7.05 juta orang dan jumlah gunatenga pula ialah 6.55 juta orang. Berapakah kadar pengangguran di negara itu pada tahun tersebut?
- A. 1.9%
 B. 5.9%
 C. 7.1%
 D. 16.6%
 E. 22.5%
34. Indeks harga pengguna di Malaysia meningkat sebanyak 6.7% pada tahun 1980. Keadaan ini menunjukkan
- A. nilai wang bertambah sebanyak 6.7%
 B. kos sara hidup bertambah sebanyak 6.7%
 C. taraf hidup bertambah sebanyak 6.7%
 D. harga import bertambah sebanyak 6.7%
 E. harga eksport bertambah sebanyak 6.7%
35. Akibat daripada kenaikan pelaburan, keluk permintaan agregat naik dari AD_0 ke AD_1 , dan pendapatan naik dari RM 100 juta ke RM 180 juta. Sekiranya kecenderungan mengguna sut bernilai 0.8, qr bernilai



- A. RM 16 juta
 B. RM10 juta
 C. RM5 juta
 D. RM64 juta
 E. RM80 juta
36. Dalam sebuah ekonomi tertutup, fungsi penggunaan diberikan sebagai
- $$C = 25 + 0.75 Y_d$$
- Sekiranya, kerajaan hendak menaikkan pendapatan negara sebanyak 120, kerajaan harus
- A. mengurangkan perbelanjaannya, sebanyak 15 dan menaikkan cukai sebanyak 20
 B. menaikkan kedua-dua perbelanjaannya dan cukai sebanyak 30
 C. menaikkan perbelanjaannya sebanyak 15 dan mengurangkan cukai sebanyak 20
 D. menaikkan perbelanjaannya sebanyak 20 dan mengurangkan cukai sebanyak 15
 E. menaikkan perbelanjaannya sebanyak 20 dan mengurangkan cukai sebanyak 5
37. Antara yang berikut, yang manakah bukan merupakan dasar fiskal budibicara ?
- A. Membuat perubahan terhadap subsidi kerajaan
 B. Membuat perubahan terhadap sistem percukaian
 C. Membuat perubahan terhadap belanjawan
 D. Membuat perubahan terhadap perbelanjaan kerajaan
 E. Membuat perubahan terhadap penjualan bon kerajaan

38. Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara pendapatan (Y), penggunaan (C) dan pelaburan. (I) dalam model ekonomi dua sektor.

<u>Y</u>	<u>C</u>	<u>I</u>
0	10	5
10	16	5
20	22	5
30	28	5
40	34	5
50	40	5

Fungsi tabungan ialah

- A. $S = 10 - 0.6Y$
- B. $S = 10 + 0.6Y$
- C. $S = 10 + 0.4Y$
- D. $S = -10 + 0.6Y$
- E. $S = -10 + 0.4Y$

39. Jadual di bawah menunjukkan jumlah tabungan pada pelbagai tingkat pendapatan negara.

Pendapatan Negara (RM juta)	0	200	400	600	800
Tabungan (RM juta)	-100	-50	0	50	100

Berapakah nilai pendapatan negara pada tingkat keseimbangan jika pelaburan adalah malar, iaitu sebanyak RM30 juta?

- A. RM520juta
 - B. RM150juta
 - C. RM400 juta
 - D. RM650juta
 - E. RM120juta
40. Encik Ahmad membeli bon bernilai \$ 1000 dan kadar bunga ialah 3%. Beliau menjual bon itu pada tahun berikutnya sebanyak setengah daripada nilai asalnya. Kadar bunga telah
- A. naik sebanyak 3%
 - B. turun sebanyak 3%
 - C. tidak berubah
 - D. naik sebanyak 6%
 - E. turun sebanyak 6%
41. Pertambahan penawaran wang tidak akan mempengaruhi kadar bunga jika
- A. tingkat harga umum adalah malar
 - B. halaju pusingan wang malar
 - C. kegiatan ekonomi meningkat
 - D. permintaan untuk wang anjal satu
 - E. keutamaan kecairan anjal sempurna
42. Komponen utama bekalan wang M1 di Malaysia terdiri daripada
- A. wang tunai dan duit syiling
 - B. wang tunai dan deposit bank
 - C. wang tunai dan deposit semasa
 - D. deposit semasa dan duit syiling
 - E. deposit bank dan deposit semasa
43. Dalam, tahun tertentu, jika bekalan wang dalam ekonomi bertambah 15%, tingkat output juga meningkat 15% dengan paras harga umum malar. Ini bererti bahawa
- A. gunatenaga dalam ekonomi jatuh sebanyak 15%
 - B. kadar upah meningkat sebanyak 15%
 - C. Teori Kuantiti Wang Fisher adalah tidak benar dalam ekonomi tersebut
 - D. halaju pusingan wang adalah malar
 - E. halaju pusingan wang naik 15%

44. Bahagian keuntungan syarikat yang dimasukkan ke dalam, pendapatan bolehguna ialah
- dividen
 - cukai pendapatan syarikat
 - keuntungan syarikat yang tidak dibahagikan
 - elaun penggunaan modal
 - bayaran pindahan
45. Cukai berkadar memberi kesan secara langsung kepada
- inflasi dan deflasi
 - penggunaan autonomi
 - tabungan dan pelaburan
 - penggunaan dan pelaburan
 - kecenderungan mengguna, sut
46. Jika kecenderungan menbaung sut sebuah negara ialah 0.2, dan pelaburan bertambah sebanyak RM50 juta, keseimbangan pendapatan akan
- menurun RM50juta
 - meningkat RM50 juta,
 - tetap, pada RM50 juta,
 - menurun RM62.5 juta
 - meningkat RM250 juta,
47. Jadual di bawah menunjukkan kedudukan deposit dan pinjaman yang dibolehkan oleh bank perdagangan dalam sistem banyak bank. Berapakah jumlah deposit yang boleh diciptakan oleh bank-bank lain?

<i>Bank</i>	<i>Deposit (RMjuta)</i>	<i>Pinjaman (RMjuta)</i>
A	200	160
B	160	-
Bank-bank lain	?	?

- RM200 juta
 - RM400 juta
 - RM520 juta
 - RM640 juta
 - RM120000 juta
48. Malaysia mengeksport getah untuk mengimport kereta dari Jepun. Andaikan bahawa kadar penukaran matawang antara kedua-dua negara tersebut berubah daripada RM1.OO = 50 yen kepada RM1.OO = 35 yen, sedangkan harga getah dan harga kereta di negara masing-masing tidak berubah. Apakah yang terjadi pada kadar syarat perdagangan bagi Malaysia?
- menjadi positif
 - menjadi negatif
 - menjadi lebih baik
 - menjadi lebih buruk
 - tiada apa-apa perubahan berlaku
49. Akibat pertumbuhan ekonomi Malaysia yang pesat, permintaan terhadap dolar Singapura bertambah. Keadaan ini menyebabkan nilai
- Dolar Singapura jatuh
 - Ringgit Malaysia tidak berubah
 - kedua-dua matawang tidak berubah
 - Ringgit Malaysia menjadi semakin kukuh
 - Dolar Singapura menjadi semakin kukuh

50. Antara yang berikut, yang manakah yang bukan merupakan sekatan terhadap perdagangan bebas?
- A. kuota
 - B. embargo
 - C. cukai import
 - D. cukai pendapatan
 - E. peraturan kesihatan

KERTAS SOALAN TAMAT